

# Tindakan sepadu mampu tangani keganasan seksual

Oleh Fadzlena Jafar dan Shamsul Azree Shamsir

KESUDIAN Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendengar pandangan kira-kira 50 pemimpin pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai isu membabitkan keganasan seksual, baru-baru ini membuktikan ketelusan kerajaan pimpinannya dalam menangani isu yang begitu hangat diperkatakan itu sejak sekian lama.

Malah, mesyuarat julung kali diadakan antara pemimpin tertinggi negara itu dengan NGO bagi membincangkan isu berkenaan turut dianggap membuka ruang atau mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan menjadi titik tolak kepada satu kerjasama erat antara NGO dengan kerajaan dalam menangani pelbagai permasalahan sosial masyarakat secara lebih komprehensif.

Namun, rata-rata kebanyakan pemimpin NGO yang ditemui sebaik selesai mesyuarat lebih dua jam itu berharap perbincangan berkenaan, dapat diterjemahkan dalam satu bentuk tindakan bersepadu bagi menangani dan mencegah keganasan seksual, secepat yang mungkin.

Presiden Persatuan Pertolongan Wanita (WAO), Meera Sarriather, berkata tumpuan kini ialah untuk melihat bentuk tindakan susulan yang diambil hasil perbincangan berkenaan memandangkan semakin kerap kes membabitkan jenayah seksual dilaporkan.

"Mesyuarat sebentar tadi adalah satu perbincangan yang komprehensif membabitkan pelbagai perkara mengenai keganasan seksual Pemimpin NGO yang hadir turut memberikan pelbagai pandangan dan input yang diharap dapat membantu kerajaan melakukan satu pelan tindakan komprehensif bagi menangani dan mencegah jenayah seksual.

"Tetapi, apa yang kami harapkan ialah satu tindakan susulan daripada hasil perbincangan ini secepat mungkin kerana keganasan seksual bukan isu bermusim, sebaliknya jika kita lihat setiap hari pelbagai kes membabitkan isu irii dilaporkari," katanya, ketika ditemui selepas perjumpaan berkenaan,

di Putrajaya, baru-baru ini.

Beliau berkata antara isu yang diharapkan diberi keutamaan ialah pindaan akta bagi meluaskan definisi rogol yang pada masa ini begitu tegar (rigid) sehingga banyak kes rogol dibubarkan berikutan dianggap tiada dalam perundangan.

Ketika ini, perundangan Malaysia menetapkan sesuatu dakwaan kes rogol perlu dibuktikan dengan kemasukan zakar ke dalam vagina. Justeru, penggunaan sebarang objek lain seperti kayu atau botol dalam kes berkenaan dianggap bukan kes rogol.

Pengarah Eksekutif WAO, Ivy Josiah, pula berkata perbincangan berkenaan menurus kepada pelan tindakan yang boleh diambil kerajaan bagi menangani jenayah seksual termasuk menyediakan pendidikan seks bagi kanak-kanak

sekolah dan juga pusat sokongan bagi mangsa rogol serta keluarga.

"Kami menumpukan pendekatan sebelum dan selepas kejadian iaitu kurangnya langkah pencegahan dan juga sokongan terhadap mangsa rogol serta 'keluarganya. Antaranya, ialah bermula dengan pendidikan seks bagi kanak-kanak supaya mereka tahu mengenai hak mereka dan menghormati tubuh serta diri mereka. Mereka terlalu kecil untuk memahami perubahan yang berlaku dalam diri mereka, sebab itulah pendidikan seks ini penting.

"Tetapi hari irii kita lihat ramai yang tidak bersetuju dengan nama berkenaan dan mencadangkan beberapa nama lain yang dianggap lebih sesuai. Panggil apa saja, pendidikan reproduktif atau maklumat asas, asalkan ia memberi pengetahuan yang menye-




*"Keganasan seksual bukan isu bermusim, sebaliknya jika kita lihat setiap hari pelbagai kes membabitkan isu ini dilaporkan"*

Meera Samanther



*"Kanak-kanak terlalu kecil untuk memahami perubahan yang berlaku dalam diri mereka, sebab itulah pendidikan seks ini penting"*

Ivy Josiah



DARI kiri: Shahrizat, Abdullah dan Radzi ketawa mendengar sesuatu lucu pada mesyuarat julung kali diadakan di antara pemimpin tertinggi negara itu dengan NCO di Putrajaya, baru-baru ini.

luruh merigenai tubuh mereka dan perubahan yang dialami dalam proses pembesaran," katanya.

Beliau berkata, turut dicadangkan dalam mesyuarat itu ialah supaya mempercepatkan proses pendakwaan membabitkan kanak-kanak kecil bagi mengelakkan trauma kepada mangsa dan keluarganya jika perbicaraan mengambil masa yang terlalu panjang.

Perjumpaan berkenaan adalah hasil lanjutan perbincangan daripada Forum Konsultatif I dan II 'Henti Rogol: Hormat dan Kawal Diri' yang diadakan pada Februari lalu. Turut serta dalam perjumpaan bersama PM itu ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk

Radzi Syeikh Ahmad; Timbalan Menteri KPWKM, Datuk G Palanivel; wakil Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pelajaran Tinggi, Jabatan Peguam Negara dan beberapa agensi kerajaan.

Selain beberapa isu itu, Yang Dipertua Majlis Pertubuhan Wanita Kebangsaan (NCWO), Profesor Datuk Sharifah Hapsah Syed Hassan Shabuddin turut membentangkan beberapa cadangan hasil daripada dua forum berkenaan.

Antaranya ialah mengeriakan hukuman lebih berat kepada pesalah rogol supaya hukuman yang dikenakan setimpal dengan kesalahan dilakukan, selain keperluan mewujudkan satu pangkalan data mengandungi maklumat asas dan latar belakang perogol.



Prof Datuk Sharifah Hapsah Syed Hassan Shabuddin